

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATUK JUMAT BIN IDRIS
KAWASAN : SEPANGGAR

SOALAN:

YB. DATUK JUMAT BIN IDRIS (SEPANGGAR) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah kementerian meneruskan pembinaan jalan pintas Rampayan Alam Mesra sepanjang 2.3 kilometer dan jika ya bilakah pelaksanaannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina Jalan Rampayan Laut, Kota Kinabalu ini tidak termasuk dalam senarai projek keutamaan kementerian ini untuk dilaksanakan di Negeri Sabah dalam RMKe-11. Ini berdasarkan kepada permohonan Kerajaan Negeri Sabah untuk memberi tumpuan dan keutamaan kepada cadangan pembinaan 10 persimpangan bertingkat baharu yang lebih kritikal di sekitar Kota Kinabalu. Walau bagaimanapun kementerian ini bersedia untuk memohon semula projek ini kepada Agensi Pusat dalam Rolling Plan RMKe11 yang akan datang jika terdapat keperluan yang mendesak dan permohonan daripada Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.